

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN  
[ TANJONG MALIM ]

**TARIKH :** 20.5.2015

**SOALAN :**

**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam pembangunan modal insan yang berterusan dan terancang untuk memastikan bilangan tenaga sumber manusia yang berpengetahuan serta berkemahiran tinggi yang diperlukan untuk pembangunan negara pada masa hadapan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua

Sistem pendidikan Malaysia berhasrat memastikan setiap murid mencapai potensi sepenuhnya. Oleh yang demikian perancangan membangunkan modal insan merupakan usaha berterusan bagi memastikan murid mendapat ilmu pengetahuan serta berkemahiran tinggi .

Enam (6) aspirasi murid iaitu berpengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta beridentiti nasional merupakan kombinasi ciri-ciri atribut dan kecekapan utama yang diperlukan oleh murid untuk berjaya dan berkembang maju dalam dunia global yang semakin mencabar

Dari sudut kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyemak semula dan memantapkan kualiti kurikulum kebangsaan untuk menerap dan membangunkan kemahiran abad ke-21 yang sesuai dengan konteks tempatan seperti kemahiran berfikir aras tinggi, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran kerja berpasukan serta menggalakkan perkembangan sahsiah murid yang holistik dan seimbang, kompeten, kreatif, inovatif dan berakhhlak mulia.

Hal ini kerana pembangunan modal insan yang mempunyai kaitan kukuh dengan peranan guru menjadi teras kepada perancangan dasar kerajaan. KPM mempunyai misi untuk melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pendidikan guru yang dinamik ke arah pendidik sekolah bertaraf dunia. Seiring dengan PPPM, Hala tuju ‘Transformasi IPG’ adalah selaras dengan transformasi pendidikan negara dan latihan bidang keguruan ke arah penghasilan modal insan yang mempunyai mentaliti kelas pertama dan menepati kehendak pasaran.

Penerapan kemahiran dan pengetahuan yang berterusan para guru sedia ada juga diambil perhatian oleh KPM. Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPB) bagi kumpulan guru dan pemimpin sekolah adalah bertujuan untuk mentransformasikan Pembangunan Profesionalisme Keguruan ke arah mengupayakan PPP untuk bertanggungjawab terhadap pembangunan kendiri secara individu dan kolektif. PPB menerangkan pelbagai bentuk aktiviti dan latihan pembangunan modal insan bagi memastikan tenaga sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten dan berkemahiran tinggi.

KPM juga sentiasa berpandangan jauh dalam merancang pembangunan modal insan negara. Perancangan ini dizahirkan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi). Di dalam pelan tersebut, Lonjakan1: Graduan Holistik berciri Keusahawanan dan Seimbang telah menerapkan graduan yang memiliki ciri-ciri keusahawanan. Graduan di Malaysia perlu dididik untuk menghadapi masa hadapan yang semakin mencabar, bukan sahaja melengkapkan mereka dengan kemahiran dan asas etika yang mantap, malah memperkasakan daya tahan dan meningkatkan ciri keusahawanan bagi meneroka peluang-peluang baharu. Justeru, hal ini penting untuk beralih daripada suasana mencari kepada penjana pekerjaan.

RJM14